

Parlimen: Lebih RM1.7 Juta Penalti Dikenakan Terhadap Alam Flora Sdn Bhd - Chor Bernama
18 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Syarikat Alam Flora Sdn Bhd dikenakan penalti lebih RM1.7 juta bagi tempoh September lepas hingga April tahun ini kerana gagal menjalankan tugas berdasarkan ketetapan yang dipersetujui bersama dalam Perjanjian Konsesi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung berkata tindakan mengenakan penalti itu membuktikan kementerian memandang serius kualiti kerja yang dijalankan syarikat berkenaan dalam menyelenggara kebersihan serta memungut sampah.

"Syarikat itu perlu mematuhi jadual serta frekuensi pemungutan yang ditetapkan dan jika gagal, syarikat boleh dikenakan denda serta penalti seperti mana yang ditetapkan," katanya menjawab soalan Datuk Seri Zulhasnan Rafique (BN-Setiawangsa) pada persidangan Dewan Rakyat Isnin.

Zulhasnan memohon penjelasan Chor mengenai isu kawal selia Alam Flora Sdn Bhd yang sering dipertikai dan ingin tahu apakah tindakan yang dikenakan supaya perkhidmatan syarikat itu diperbaiki dan dipertingkatkan pada masa hadapan.

Chor berkata kementerian melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) membuat pemantauan untuk kerja-kerja yang dilaksanakan syarikat konsesi yang dilantik.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673792>